

**THE METHODOLOGY OF SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI IN
ANALYZING THE WORKS OF SHEIKH MUHAMMAD
MUTAWWALI AND SHEIKH ALI DABBA'**

**METODOLOGI SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI DALAM
MENGHURAI KARYA QIRAAT SYEIKH MUHAMMAD
MUTAWWALI DAN SYEIKH ALI DABBA'**

Khairul Anuar Mohamadiⁱ, Abd. Muhaimin Ahmadⁱⁱ & Mohd Shamsul Hakim Abd Samadⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). khairul@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). muhaimin@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). shamsul@usim.edu.my

Received: 28 June 2024

Article Progress
Revised: 24 July 2024

Accepted: 26 August 2024

Abstract

A prominent Malay scholar who forged a name in Makkah Mukarammah in the field of Tajwid and Qiraat is Sheikh Nuh Jamaluddin. He contributed a lot to the development of Tajwid and Qiraat knowledge through teaching until the birth of scholars like Mufti Dato Syeikh Muhammad Nor Ibrahim. In addition, he also left valuable writing treasures, such as the book Tuhfatu Sibyan Fi Tajwid al-Quran and al-Durratul Muntakhab Fi Riwayat Syu'bah. In the author's observation there is the writing of an article related to Sheikh Nuh Jamaludin from the point of view of biodata and his two works, namely Tuhfatu al-Sibyan and Durratul Muntakhab Fi Riwayat Sukbah. However, no one has studied his work in the science of Qiraat, such as the riwayat of Warsy and the Riwayat of Qalun from Imam Nafei. He has produced a manuscript called Two Treatises on the Knowledge of Qiraat. The method of writing this article is qualitative, that is by referring to the literature review. The objective of this writing is to study his writing methodology related to the riwayat of Warsy and the riwayat of Qalun through his book Two Treatises on the Knowledge of Qiraat. The writing of Sheikh Nuh Jamaluddin is a description of the matn produced by Sheikh Mutawwali entitled Muqadimmah Manzumah Fi Riwayat Warsy. This work has been elaborated by Sheikh Ali Dabba'. The results of the study found that the methodology used by Sheikh Nuh Jamaluddin from the point of view of language adjustment was very appropriate at that time. This work of his is not tied to the translation, but he also included some other things to give a more perfect understanding. If you examine the work of Syeikh Nuh Jamaluddin, it illustrates that Malay scholars from long ago were very sensitive to the knowledge of Qiraat and translated it into Malay to provide deeper benefits in this field.

Keywords: *Nuh Jamaluddin, Two Treatises on the Knowledge of Qiraat.*

| | |
|----------------|---|
| Abstrak | <p><i>Seorang tokoh ulamak melayu yang menempa nama di Makkah Mukarammah dalam bidang Tajwid dan Qiraat ialah Syeikh Nuh Jamaluddin. Beliau banyak memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu Tajwid dan Qiraat melalui pengajaran sehingga lahirnya ulamak seumpama Mufti Dato Syeikh Muhammad Nor Ibrahim. Selain itu beliau juga meninggalkan khazanah penulisan yang bernilai seperti kitab Tuhfatu Sibyan Fi Tajwid al-Quran dan al-Durratul Muntakhab Fi Riwayat Syu'bah. Dalam pemerhatian penulis terdapat penulisan artikel berkaitan Syeikh Nuh Jamaludin dari sudut biodata dan dua karyanya iaitu Tuhfatu al-Sibyan dan Durratul Muntakhab Fi Riwayat Syukbah. Namun begitu belum ada yang mengkaji karyanya dalam ilmu Qiraat seumpama Riwayat Warsy dan Riwayat Qalun dari Imam Nafei. Beliau telah menghasilkan satu manuskrip yang dinamakan dengan Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat. Metode penulisan artikel ini adalah kualitatif iaitu dengan merujuk tinjauan kepustakaan. Objektif penulisan ini adalah untuk mengkaji metodologi penulisannya berkaitan riwayat Warsy dan Riwayat Qalun melalui bukunya Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat. Metode kajian ini ialah kajian perpustakaan melalui analisis dokumentasi. Penulisan Syeikh Nuh Jamaluddin ini adalah huraian matan yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawwali yang bertajuk Muqadimmah Manzumah Fi Riwayat Warsy. Karya ini telah dihuraikan oleh Syeikh Ali Dabba'. Hasil kajian mendapati metodologi yang digunakan oleh Syeikh Nuh Jamaluddin dari sudut laras bahasanya amat sesuai pada zaman ketika itu. Karyanya ini tidak terikat dengan terjemahan, tetapi beliau juga memasukkan beberapa perkara lain untuk memberikan kefahaman yang lebih sempurna. Jika diteliti karya Syeikh Nuh Jamaluddin ini, ia menggambarkan bahawa ulamak melayu sejak dahulu lagi amat peka dengan ilmu Qiraat dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa melayu bagi memberi manfaat yang lebih mandalam dalam bidang ini.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Nuh Jamaluddin, Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat.</i></p> |
|----------------|---|

PENDAHULUAN

Persoalan yang selalu berlegar di kalangan pengkaji perkembangan ilmu Qiraat di tanah air adalah sejauh manakah ilmu Qiraat ini diambil perhatian oleh para ulamak di zaman dahulu. Kaedah terbaik bagi menentukan perkembangan Ilmu Qiraat di alam Melayu boleh dilihat kepada penulisan karya dalam ilmu Qiraat yang dihasilkan oleh ulamak silam. Salah seorang yang menghasilkan penulisan Ilmu Qiraat ialah Syeikh Nuh Jamaluddin.

Dalam artikel data-data Tokoh Ulamak Tajwid Tersohor Di Alam Melayu ada menyatakan bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin menghasilkan dua buah kitab iaitu *Tuhfatu al-Sibyan Fi Tajwid al-Quran* dan sebuah kitab qiraat yang lengkap yang bertajuk *Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah*. (Shaharuddin Saad, 2017). Kenyataan ini perlu kepada penelitian kerana di sana masih terdapat satu lagi karya tulisan Syeikh Nuh Jamaluddin yang bertajuk 'Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat'.

Kajian terhadap Kitab Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat yang ditulis oleh Syeikh Nuh Jamaluddin telah menmukan bahawa ia adalah karya terjemahan. Dalam halaman kedua kitab ini di bawah tajuk "Inilah Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat ada menyatakan riwayat Warsy iaitu Uthman al-Misri dan riwayat Qalun Isa Ibn Mina". Kedua-duanya daripada Imam Dar al-Hijrah Nafei Ibn Abi Nu'aim. Yang pertama bagi Khatimah al-Muhaqiqin Syeikh Muhammad Ibn Ahmad al-Misri yang masyhur dengan Mutawalli. Yang kedua bagi al-Qari al-Syahir al-Syeikh Ali Dhaba' *Syeikh al-Qurra Bi al-Diyar al-Misriyyah*.

Karya terjemahan ini diterbitkan selepas Syeikh Nuh Jamaluddin meninggal dunia. Ini berdasarkan kepada kenyataan di halaman kedua di bawah tajuk "Diterjemahkandia" dan berikutnya terdapat kenyataan "oleh al-Marhum Tuan Guru al-Alim al-Qari al-Syahir

Al-Syeikh Nuh bin Jamaluddin Kelantan al-Malayuwi, "أسكنه الباري في فسيح جناته جنات تجري من تحتها الأنهار".

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berasas kepada kajian perpustakaan melalui analisis dokumentasi sepenuhnya. Kajian ini akan merujuk kepada artikel dari jurnal dan kertas kerja seminar atau persidangan. Selain itu rujukan juga dibuat kepada buku ilmiah. Beberapa kertas kerja berkaitan tokoh ini telah dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke -8 (PASAK8 2023). Selain itu kertas kerja berkaitan tokoh juga dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyah kali Ke-3 (IRSYAD2017).

DAPATAN KAJIAN

1. Biografi Syeikh Nuh Jamaluddin

Syeikh Nuh Jamaluddin dilahirkan di Kelantan sekitar tahun 1314 H bersamaan 1896 M. Beliau memulakan pengajian di Kelantan berguru dengan Tok Kenali di pondoknya di Kubang Kerian. Setelah itu pada tahun 1919 M, beliau melanjutkan pengajian ke Makkah dan mendalami ilmu agama. Dalam pengajian Quran, Syeikh Nuh Jamaluddin bertalaqqi dengan tokoh Quran yang terkenal dengan gelaran Tok Senggora. Tok Senggora telah memberi ijazah Qiraat Tujuh dan Qiraat Sepuluh kepada Syeikh Nuh Jamaluddin (Ismail Che Daud, 2021).

Keilmuaan Syeikh Nuh Jamaluddin dalam bidang Quran amat luas terutamanya bidang tajwid dan Qiraat. Setelah gurunya Tok Senggora meninggal dunia pada tahun 1930, Syeikh Nuh Jamaluddin telah menyambung pengajaran gurunya di Kota Makkah iaitu antara tahun 1930an hingga 1940an. Pada tahun 1944, Syeikh Nuh telah dilantik sebagai guru tahfiz di *Madrasah Dar al-Ulum al-Diniah*, Makkah Mukaramah. Di madrasah inilah beliau telah berkhidmat sehingga akhir hayatnya (Shahrudin Saad, 2017).

2. Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin

Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin dalam pengajian Quran dan perkembangannya di sebelah nusantara amat besar. Ramai murid-muridnya yang menjadi ulamak dan mengembankan pengajian al-Quran. Ismail Che Daud telah menyenaraikan 40 orang muridnya yang menjadi kenamaan sama ada dari Kelantan, Terengganu atau Patani. Antara mereka adalah Dato Haji Ismail Yusuf (Mufti Kerajaan Kelantan), Dato Haji Muhammad Nor Ibrahim (Mufti Kerajaan Negeri Kelantan) Haji Hasan Hafiz Abu Bakar (Mufti Kerajaan Melaka) (Ismail Che Daud, 2021).

Walaupun Syeikh Nuh Jamaluddin telah meninggal dunia pada 29 Mei 1948, namun karya penulisannya masih disimpan sehingga kini. Dalam artikel Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani: Penyambung Sanad Tok Senggora ada menyatakan bahawa "...beliau telah menghasilkan dua buah kitab iaitu sebuah kitab tajwid dan sebuah kitab Qiraat yang lengkap. Kitab Tajwidnya bertajuk *Tuhfatul al-Sibyan Fi Tajwid al-Quran* dan kitab qiraatnya bertajuk *al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu'bah*" (Shahrudin Saad, 2017).

3. Biografi Syeikh Muhammad Al-Mutawali

Nama penuh Syeikh Mutawali ialah Muhammad Ibn Ahmad Ibn al-Hasan Ibn Sulaiman. Dikenali dengan nama al-Mutawali atau Mutawali. Beliau dilahirkan pada tahun 1248H di Darb al-Ahmar di Kaherah, Mesir. Meninggal dunia pada hari khamis, 11 Rabiul awal 1313H. Dan dikebumikan di Qarafah al-Kubra, Kaherah (al-Dausari, 1999).

Syeikh Mutawali dilahirkan dalam keadaan cacat penglihatan namun beliau adalah seorang yang terang hati dan cerdas sejak waktu kecil lagi. Beliau mempunyai sifat tawadhuk, selalu merendah diri dan tidak suka meninggi-ninggikan kebolehannya. Perkara ini boleh dilihat kepada satu karyanya: ...berkata seorang yang diselubungi dosa, mengharap

rahmat Tuhannya iaitu Muhammad al-Mutawalli... setelah Allah mengurniakan kepada ku dengan dapat menulis matan ni yang diberi nama *Fathu al-Karim Fi Tahriri Awjuh al-Quran a-Hakim*, maka Allah telah melapangkan dada ku untuk aku lakukan sedikit ulasan yang terang bagi setiap yang lemah memahaminya (al-Dausari, 1999)

Syeikh al-Zayyat pernah menceritakan dari gurunya al-Hunaidi yang merupakan murid kepada al-Mutawali, pernah satu ketika beliau berhenti talaqqi dengan al-Mutawali disebabkan ayahnya meninggal dunia. Setelah beberapa ketika beliau kembali bertalaqi al-Quran, dan al-Mutawali bertanya kenapa al-Hunaidi tidak datang talaqi dalam beberapa tempoh yang lama. Al-Hunaidi menyatakan bahwa beliau tiada duit untuk memberi upah kepada Syeikh al-Mutawali sebagai upah mengajar Quran. Lantas al-Mutawali menyatakan: "Kami seumpama raja, tidak sekali-kali meminta dan jika diberi kami tidak menolak" (al-Dausari, 1999)

Terdapat kisah tentang firasat Syeikh Mutawali terhadap seorang tokoh Quran selepas zamannya iaitu Syeikh Ali Dabba'. Semasa kecil, Syeikh Ali Dabba menghafaz al-Quran dan seorang yang amat cerdas sehingga Syeikh Mutawali yang merupakan Syeikh Qurra ketika itu telah merasai kecerdasan Syeikh Dabba' dan berpesan kepada menantunya yang juga seorang alim yang bernama Syeikh Hasan Ibn Yahya al-Kutbi supaya memberi perhatian kepada Syeikh Dabba' dengan mengajarnya ilmu Qiraat dan ulum al-Quran. Syeikh Mutawali juga berpesan agar semua kitab miliknya diberikan kepada Syeikh Dabba'. Maka Syeikh Dabba' berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu sehingga akhirnya beliau menjadi seorang yang amat alim pada zamanya dalam ilmu Qiraat dan dilantik menjadi Syeikh Qurra pada zamanya (Asyraf Muhammad Fuad Tal-'at, 2002)

Terdapat banyak sifat terpuji Syeikh Mutawali yang dinyatakan oleh al-Dausari, antaranya ialah kembali kepada kebenaran apabila terbukti. Perkara ini boleh dilihat kepada kenyataannya dalam kitab *al-Fauz al-Azim*: ketahuilah kamu bahawa nasm ini telah dilakukan baik pulih beberapa kali mengikut rujukan yang pelbagai. Dan kali ini adalah yang tepat (al-Dausari, 1999).

Syeikh Mutawali menghafaz al-Quran semasa usia kanak-kanak dan seterusnya menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar mendalam ilmu syariat dan Bahasa arab. Beliau lebih cenderung kepada ilmu Qiraat dan amat berminat mendalaminya. Dengan sebab itu semua matan yang asas dalam ilmu Qiraat beliau menghafaznya. Seumpama *Muqadimah al-jazariyyah, Tuhfatul Atfal, Matn Syatibiyyah, Matn Durrah, Tayyibah Fi al-Qiraat al-Asyr, Matn Aqilah, Nihayah Fi Qiraat al-Syaza* (al-Mirsafi, 2008).

Menurut Syeikh al-Mirsafi, Syeikh Mutawali telah membaca al-Quran dan bertalaqi semua Qiraat sama ada Qiraat Tujuh, Qiraat Sepuluh dan empat Qiraat Syazah dengan seorang yang amat alim dalam ilmu Qiraat ketika itu iaitu Syeikh al-Sayyid Ahmad al-Durri al-Maliki yang terkenal dengan gelaran al-Tihami (al-Mirsafi, 2008).

4. Sumbangan Syeikh Mutawali

Sumbangan Syeikh Mutawali amat besar dalam perkembangan ilmu Qiraat. Beliau telah meninggalkan hampir 40 kitab yang ditulis dalam ilmu Qiraat, Ulum al-Quran, Tajwid, Rasm, Dabt dan Fawasil.

Kealimannya dalam ilmu Qiraat mengatasi sahabat-sahabatnya. Ini terbukti apabila dua sahabatnya yang alim dalam bidang Qiraat iaitu Muhammad Makki Nasr dan al-Juraisi al-Kabir, walaupun mereka berdua telah bertalaqi dengan Syeikh al-Durri iaitu guru kepada Syeikh Mutawali namun mereka masih bertalaqi dengan Syeikh Mutawali. Begitu juga dengan syeikh Muhammad al-Bana dan Syeikh Ridwan al-Mukhalilati telah bertalaqi dengan beliau (al-Dausari, 1999).

5. Biografi Syeikh Ali Dabba'

Nama penuh Syeikh Dabba' ialah Ali Ibn Muhammad Ibn Hasan Ibn Ibrahim Ibn Abdullah. Beliau dikenali dengan gelaran al-Dabba'. Dilahirkan di bandar Kaherah pada tahun 1307H bersamaan 1886M (Rim, 2018). Syeikh Dabba' telah mendalam ilmu Qiraat dengan beberapa guru yang mulia. Antaranya ialah Syeikh Hasan Ibn Yahya al-Kutbi, Syeikh Abdul

Rahman Ibn Husin al-Khatib al-Sya'ar dan Syeikh Ahmad Ibn Muhamad Ibn Mansur al-Sukkari.

Beliau memegang jawatan Syeikh Maqari di Masjid Sultan Hasan di Kaherah dan kemudian berpindah ke Masjid Sayyidah Zainab RA bertugas bersama dengan Syeikh Qurra Mesir ketika itu Syeikh Muhammad Ibn Ali Khalaf al-Husaini (meninggal dunia 1357H). Pada tahun 1368H bersamaan 1949, Raja Mesir ketika itu al-Malik Faruq melantik Syeikh Dabba' ke jawatan Syeikh Qurra negara Mesir.

Nama Syeikh Ali Dabba' amat masyhur dalam ilmu Qiraat dan menjadi tumpuan penuntut ilmu untuk mengambil sanad dan bertalaqqi denganya. Muridnya di Mesir amat ramai antaranya ialah Syeikh Ibrahim Atwah yang merupakan tenaga pengajar di Universiti al-Azhar dan anggota pengajian tinggi. Syeikh Abdul Aziz al-Zayyat dan juga Syeikh Abdul Halim Badr Ahmad Ata Allah.

Ramai yang datang dari luar Mesir untuk tujuan talaqqi Qiraat denganya antara ialah Syeikh Abdul Aziz 'Uyun al-Sud dari Syria yang kemudian memegang jawatan Syeikh Qurra di Hims, Syria. Beliau adalah guru kepada Dr Aiman Suwaid dan Syeikh Tamim al-Zu'biy. Dari kota Hijaz yang pergi ke Mesir bertalaqqi Quran denganya ialah Syeikh Ahmad Ibn Hamid al-Tiji. Beliau adalah syeikh Qurra di Makkah dan guru kepada Dato Syeikh Mohamad Nor, mufti Negeri Kelantan dan pengasas kelas Tahfiz Quran di Masjid Negara yang kini dikenali sebagai Darul Quran (Khairul, 2021).

6. Sumbangan Syeikh Dabba'

Syeikh Ali Dabba' dilantik ke jawatan Syeikh Qurra Mesir disaksikan ramai para ulamak dan Qurra yang mana mereka memperakui kealimanya. Menariknya, Syeikh Ali Dabba' banyak menghasilkan penulisan yang berkaitan al-Quran dengan perbincangan yang memberi banyak manfaat. Cuplikan mukadimah kitabnya *Samir al-Talibin* dalam perbincangan ilmu rasm dan dabt beliau menyatakan bahawa rujukan ilmu rasm dan dabt yang muktamad adalah kitab *al-Muqni'* oleh Abu Amru dan kitab *al-Tanzil* oleh Abu Daud, memandangkan perbincangan dalam dua kitab ini amat tinggi dengan penggunaan bahasa yang sukar difahami dan ditambah lagi buku tersebut tidak dijual di maktabah maka beliau meringkaskan dua kitab tersebut dengan susunan yang mudah difahami lalu dinamakan dengan *Samir al-Talibin fi Rasm Wa Dabt Kitab al-Mubin* (Dabba', 1999). Kitab ini masih lagi digunakan sebagai sukatan pengajian ilmu rasm dan dabt hingga ke hari ini.

Beliau juga dilantik sebagai ketua panel semakan al-Quran. Dalam perkara ini beliau amat mengambil berat dengan menyemak dan mentashih al-Quran yang hendak dicetak dengan teliti. Memastikan semua nasnya tepat dan sahih menepati hukum yang berkaitan sehingga ia dicetak dengan sempurna.

Perananya amat besar, bukan hanya memastikan mushaf yang dicetak di Mesir adalah betul tetapi Negara-negara Islam ketika itu juga menghantar naskhah mushaf kepada beliau untuk ditashihkan sebelum ia dicetak termasuklah mushaf Makkah yang ditulis oleh Tahir al-Kurdi pada awal tahun 50an.

Satu majalah di Mesir menerbitkan satu artikel bertajuk "seorang lelaki yang diiktiraf semua muslim dengan tadatangannya dalam Quran" menceritakan setiap tahun empat juta mushaf di terbitkan di Mesir dan dihantar ke negara-negara luar tanpa sekatan dan syarat. Mushaf tersebut yang sampai ke Negara Rusia dan China mestilah mendapat pengesahan daripada Syeikh Ali Dabba dan tandatangannya bagi menjadikannya diiktiraf.

Khidmat Syeikh Ali Dabba' dalam mentashih al-Quran ialah selama 52 tahun. Beliau terus membaca al-Quran, menyemak dengan teliti setiap baris, huruf, tulisan dan yang berkaitan agar tidak berlaku kesilapan sebelum ia dicetak. Pada saat akhir usianya, Syeikh Ali Dabba' masih mentashih mushaf walaupun beliau sakit dan berada di atas katil. Artikel tersebut juga melaporkan sehingga kini, Syeikh Ali Dabba' telah mentashih 380 mushaf. Salinan naskhah yang telah disemak di simpan dalam satu almari di rumahnya (*Majalah Akhir Sa'ah*, 1956)

7. Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat

Kitab dua risalah ini adalah terjemahan dua kitab dalam Bahasa arab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali dan Syeikh Ali Dabba'. Kitab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali adalah bertajuk *Manzumah Fi Riwayat Warsy* telah dihuraikan oleh Syeikh Ali Dabba dan diberi nama dengan Hidayah al-Murid Ila Riwayat Abi Saied. Manakala kitab kedua yang dikarang oleh Syeikh Ali Dabba pula bertajuk *Nazm Ma Khalafa Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani*.

a) *Manzumah Fi Riwayat Warsy Oleh Mutawali*

Kitab ini mengandungi 234 rangkap syair. Kandungan kitab ini berkaitan perbezaan antara riwayat Warsy dengan riwayat Hafs. Ia terbahagi kepada dua iaitu usul dan farsy. Perbincangan dalam bahagian usul, penulisnya Syeikh Mutawali telah menghasilkan 74 rangkap syair dan dibahagikan kepada 13 bab. Ia dimulakan dengan muqadimah diikuti dengan antara dua surah, *Ha Kinayah, Mad* dan *Qasr* sehinggalah terakhirnya *Ya'at al-Zawaid*. Manakala 160 rangkap syair lagi adalah berkaitan farsy huruf bermula dengan surah al-Fatihah, al-Baqarah hinggalah ke surah al-Nas.

Semua rangkap syairnya berakhir dengan huruf lam. Ini kerana penulisnya mengikut metode yang dibuat oleh Imam Syatibiy dalam matannya Hirz al-Amani. Dalam muqadimahnya yang ringkas iaitu sebanyak empat rangkap syair sahaja, Imam Mutawali menyatakan seperti berikut (Mutawali, t.t) :

بدأت بيسم الله والحمد لله سائلا صلاة وتسليما على أشرف الملا
محمد الهادي الأمين وآله وأصحابه والتابعين ومن تلا
وبعد فهذا النظم فيه ذكرت ما يخالف ورش فيه حفصاً فحفصلا
وذلك مما كان في الحرز واردا وأسأل ربي أن يوفقني علا

Nazm ini dimulakan dengan basmalah, hamdalah kerana mengikut Kitab yang mulia iaitu al-Quran. Selain itu ia juga beramal dengan nas-nas yang terdapat dalam perkara ini. Kandungan nazm ini adalah apa yang dinyatakan dalam *matn Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* yang dikenali dengan *Matn Syatibiyah* karya al-Syeikh al-Imam al-waliy al-Soleh al-Qasim Ibn Firruh Ibn Khalaf Ibn Ahmad al-Ru'aini al-Syatibiy al-Andalusi tentang perbezaan riwayat warsy dengan riwayat Hafs (Ali Muhammad al-Dabba', 2001)

b) *Nazm Ma Khalafa Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani Oleh Dabba'*

Kitab *Nazm Ma Khalafa Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani* mengandungi 32 rangkap syair sahaja. Nazm ini berkaitan perbezaan antara riwayat Qalun dengan riwayat Warsy. Karya ini ditulis oleh Syeikh Ali Dabba' dan dihuraikan juga oleh beliau dengan diberi nama *al-Jauhar al-Maknun Fi Riwayat Qalun*. Kitab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Usul dan Farsy. Bahagian Usul mengandungi tujuh bab dengan 20 rangkap syair. Manakala farsy pula mempunyai satu bab sahaja dengan 12 rangkap syair (Ali Muhammad Dabba', 1355H) .

Muqadimah *nazm* ini menyatakan seperti berikut:

لك الحمد يا الله صل على النبي وآل وأصحاب كرام ومن تلا
وبعد فقالون يخالف ورشهم لدى أحرف ها هي من الحرز تجتلا

Dimulakan dengan ucapan pujian kepada Allah, selawat kepada Baginda SAW, ahli keluarga, para sahabat RA dan mereka selepasnya. Kemudian diterangkan kandungan nazm ini ialah riwayat Qalun yang berbeza dengan Warsy berdasar kepada *Matn Hirz al-Amani* (Nuh Jamaluddin, 1373H)

PERBINCANGAN

1. Metodologi Penulisan Dua Risalah Ilmu Qiraat

Di permulaan buku ini, Syeikh Nuh Jamaluddin menyatakan pujiannya terhadap Syeikh Mutawali yang digelar sebagai *khatimah al-Muhaqqiqin* dan *siraj al-Qariein*. Beliau menyatakan “Tatkala adalah ini nazam serta syarahnya yang latif pada riwayat Warsy bagi *khatimah al-muhaqqiqin* dan *siraj al-qariein* Syeikh Muhammad Ibn Ahmad yang dimasyhur dengan mutawali di dalam Mesir banyak manfaatnya dan besar faedahnya bergerak-gerak hatiku yang daif dan akal aku yang pendik bahawa aku menterjemahkandia kepada Bahasa melayu yang semudah-mudah lughah di atas muka dunia serta tambahan kalam yang elok kerana munasabah pada beberapa tempat yang tiada disebutkan dia pada asal supaya menambah faham dan terang dengan dia bagi mereka yang ittilla’ ia atas asalnya daripada mereka yang tiada elok fahamnya dengan Bahasa arab pada hal aku harap daripada Allah Taala akan qabul dan taufiq atas tiap-tiap jalan yang betul *إنه سميع قريب مجيب وما توفيقى إلا بالله* عليه توكلت وإليه أنيب”.

a) Terjemahan

Kaedah terjemahan kitab ini adalah memberi makna bagi setiap rangkap syair dan diikuti dengan memberi makna kepada huraian syair tersebut. Sebagai contoh pada bait: *وبعد فهذا النظم فيه ذكرت ما يخالف ورش فيه حفصاً فحصولاً*. Penulis telah menterjemah bait ini dengan “artinya adapun kemudian daripada itu maka aku kata ini nazm aku himpun padanya akan barang yang menyalahi warsy padanya akan Hafs daripada beberapa kalimah dan beberapa hukum”.

b) Gambar Rajah

Teknik huraian dalam bentuk gambar rajah adalah untuk memudahkan kefahaman jika perkara yang dihuraikan itu mempunyai pecahan atau beberapa bahagian. Dalam ilmu Qiraat terdapat wajah bacaan yang berulang dan kadar madnya berbeza. Ia berlaku pada taqlil bagi imam Warsy pada kalimah yang mempunyai ya dan dalam ayat yang sama terdapat mad badal. Sebagai contoh pada ayat 34 surah Baqarah. Dalam ayat tersebut terdapat mad badal iaitu *ءادم* dan terdapat kalimah yang mempunyai ya iaitu *أبي*. Syeikh Nuh Jamaluddin telah membuat satu gambar rajah seperti berikut:

| بيلاغن وجه | آدم | أبي |
|------------|------|-------|
| ١ | قصر | فتح |
| ٢ | توسط | تقليل |
| ٣ | مد | فتح |
| ٤ | مد | تقليل |

Syeikh Nuh Jamaluddin telah meletakkan gambar rajah ini di bahagian akhir kitab. Bilangan gambar rajah yang dilampirkan bahagian akhir kitab ini adalah sebanyak 26 gambar rajah.

c) Khilaf Tempat Kedua

Terdapat khilaf farsy huruf yang berulang di dua tempat dan dinyatakan khilaf tersebut dalam bait ditempat yang pertama. Sebagai contoh kalimah *ربوة* di surah Baqarah dan surah Mukminun. Dalam perkara ini, Syeikh Nuh Jamaluddin telah menghuraikan bahawa Warsy membacanya dengan dhommah ra iaitu *رُوبة* dalam bait di surah al-Baqarah. Namun begitu dalam surah Mukminun, Syeikh Nuh juga menyebut *khilaf* ini walaupun tidak terdapat *khilaf* ini dalam bait pada surah mukminun.

Beliau nyatakan dalam surah Baqarah, “bahawasanya membaca ia برية pada ini surah dan pada al-mukminun dengan dhommah ra.”(Nuh Jamaluddin, 1373H) Pada surah al-Mukminun, beliau menyatakan, “..dan telah lalu bahawasanya برية pada ini surah dengan dhommah ra.” (Nuh Jamaluddin, 1373H)

d) *Tanbih*

Dalam menghuraikan Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat, Syeikh Nuh Jamaluddin telah memuatkan juga satu sub topik yang diberi tajuk *Tanbih*. Dalam Syeikh Nuh telah memberi nasihat berkaitan amat perlu mengenali semua *Qurra* Tujuh dengan setiap *qari* mempunyai dua perawi. Beliau menyatakan “Saigialah bagi *qari* bahwa mengetahui akan segala nama *Qurra* Tujuh dan segala nama rawi bagi mereka itu yang masyhur dan bagi tiap-tiap *Qurra* itu dua rawinya yang masyhur. Dan bagawa mengetahui ia akan *Farq* (perbezaan antara *Qiraat* dan *riwayah* dan *toriq* supaya sejahtera ia daripada *tarkib*. Maka tiap-tiap barang yang dibangsakan dia bagi imam dinamakan dia *Qiraat*. Dan tiap-tiap barang yang dibangsakan dia bagi orang yang mengambil ia daripadanya. Dan jika dengan jalan *wasitah* sekalipun dinamakan dia *Riwayat* dan tiap-tiap barang yang dibangsakan diam akan mereka yang mengambil ia daripada *rawi* dan jika terkebawah ia sekalipun dinamakan dia *toriq*. Dan bermula *mithal* demikian itu *ithbat basmalah qiraat* Ibn Kathir dan *Riwayat* Qalun daripada Nafei dan *toriq Asbahani* daripada Warsy” (Nuh Jamaluddin, 1373H).

PENUTUP

Di awal kurun yang lepas, beberapa tokoh Quran di Mesir telah menghasilkan karya yang bermutu dalam ilmu Qiraat. Tokoh-tokoh seumpama Syeikh Mutawali, Syeikh Ali Dabba’ dan sezaman mereka telah menjadi rujukan para ulamak seluruh dunia termasuklah ulamak melayu di Nusantara. Salah satu karya mereka ini telah mendapat perhatian tokoh Quran di alam melayu seperti Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Beliau telah menterjemah dan menghurai dua kitab yang dikaryakan oleh Syeikh Mutawali dan Syeikh Dabba’. Dalam menghuraikan dua kitab ini, Syeikh Nuh Jamaluddin telah menggunakan metode terjemahan teks yang terdapat dalam kitab tersebut dan menghuraikan dengan bahasa yang mudah supaya mendapat kefahaman pembaca. Kitab ini telah disemak dan ditashihkan terjemahannya oleh seorang pentashih yang bernama Abdul Aziz bin al-Haj Ahmad al-Malayu.

Melihat kepada huraian yang dikemukakan dalam kitab ini, ia menggambarkan bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin adalah seorang tokoh al-Quran yang amat berwibawa sehinggakan mampu menterjemahkan kitab yang dihasilkan oleh Syeikh Mutawali dan Syeikh Dabba dengan olahan yang amat menarik. Jika dilihat kepada tarikh kitab ini disemak dan ditashihkan iaitu pada tahun 1373H dibanding dengan tarikh Syeikh Nuh Jamaluddin meninggal dunia pada tahun 1367H bermaksud tujuh tahun selepas beliau meninggal dunia, kitab ini diterbitkan. Ini menunjukkan bahawa karya ini amat bernilai dan perlu dibuat banyak lagi kajian dengan melihat isi kandungan dan metodologinya serta diterbitkan dalam bentuk baharu bagi memberi manfaat kepada masyarakat Islam melayu yang sudah mula menunjukkan minat terhadap ilmu Qiraat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah pembiayaan geran penyelidikan agensi luar (Kerajaan) Majlis Agama Islam Kelantan 2023. USIM/MAIK/FPQS/LUAR-K/42123

RUJUKAN

Akhbar

Khairul Anuar Mohamad. (2021). *Kealiman Syeikh Ali Dabba’*. Utusan Malaysia, 6 April 2021.

Buku

- al-Dabba', Ali Muhammad (1355H). *al-Jauhar al-Maknun Fi Riwayat Qalun Syarh Ala Nazm Ma Khalaf Fihi Qalun Warsyan Min Tariq Hirz al-Amani*, <https://quranpedia.net/book/19892#accordion-2>
- al-Dabba', Ali Muhammad. (1999). *Samir al-Talibin Fi Rasm Wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Azhariah Li al-Turath.
- al-Dabba', Ali Muhammad. (2001). *Hidayah al-Murid Ila Riwayah Abi Sa'id*. Kaherah: Maktabah al-Turath wa al-Ulum al-Arabiyyah.
- al-Mirsafi, Abdul Fattah al-Sayid Ajami. (2008). *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*. Kaherah: Maktabah Majd al-Islam.
- Asyraf Muhammad Fuad Tal'at. (2002). *al-Allamah Ali Muhammad al-Dabba' Syeikh Qurra Wa Umum al-Maqari Bi al-Diyar al-Misriyyah*. Cetakan Kedua. Brunei Dar al-Salam: Jamiah Brunei Dar al-Salam.
- Ibrahim Ibn Said Ibn Hamada al-Dausari. (1999). *al-Imam al-Mutawalli wa Juhuduhu Fi Ilmi al-Qiraat*. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ismail Che Daud. (2021). *Tokoh-Tokoh Ulamak Semenanjung Melayu (2)*. (Edisi ketiga). Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Khairul Anuar Mohamad, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar. (2005). Tokoh Pendidik al-Quran Di Malaysia: Dato Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim. *Jurnal Maalim al-Quran Wa al-Sunnah*, Bil 1, Muka Surat 262.
- Muhammad Mutawali. (t.t). *Manzumah Fi Riwayah Warsy Min Toriq al-Syatibiyyah*. Jami al-Kutub al-Islamiyyah. <https://ketabonline.com/ar/books/103108/read?page=39&part=1#p-103108-39-8>
- Nuh Jamaluddin. (1373H). *Dua Risalah Pada Ilmu Qiraat*. Mesir: Matba'ah Hijazi.

Jurnal

- Rim Bint Ibrahim Ibn Muhammad al-'Udaibi. (2018). Juhud al-Syeikh Ali Dabba' Fi Nasyr Ulum al-Quran Wa al-Qiraat Wa Ta'thiruhu Fiman Ba'dah. *Majalah Kuliah Dar Ulum*, 116, muka surat 260. Riyad: Jamiah al-Amirah Naurah Bint AbdulRahman.
- Majalah Akhir al-Sa'ah. (4 April 1956). *Rajulun Wahid Ya'tarif al-Muslimun Bi Tauqi'ehi Ala al-Quran*. Kaherah, Mesir.

Persidangan

- Muhammad Hanafizi Abdullah. (2023). *Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani Dalam Bidang Ilmu al-Qiraat Melalui Kitab al-Durrah al-Muntakhabah Fi iwayat Syu'bah*. E-Prosiding Antarabangsa Sains Sosial &Kemanusiaan Kali ke-8.
- Shahrudin Saad. (2017). *Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani: Penyambung Sanad Tok Senggora*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara Kali Ke-2, 2017.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.